

11/02/1998

Al-Fayed anggap promosi Malaysia belum mencukupi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

MOHAMED Al-Fayed, jutawan kelahiran Mesir pemilik rangkaian gedung belibelah Harrods yang terkenal di seluruh dunia berkata kita tidak mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dengan begitu baik.

Al-Fayed yang mengunjungi Langkawi Selasa lalu atas jemputan Dr Mahathir Mohamad juga langsung tidak mengetahui mengenai pulau ini.

Tetapi beliau berpendapat Langkawi adalah pusat percutian yang menarik walaupun baru pertama kali berada di sini dan berpendapat pulau ini berpotensi sebagai destinasi lebih menarik.

Perdana Menteri ketika sidang akhbar bersama dengan Al-Fayed di Kuala Lumpur keesokan hari pula berkata jutawan itu berasa kita tidak mempromosi seperti yang sepatutnya.

Berdasar pandangan Al-Fayed, tidak keterlaluan jika kita membuat kesimpulan bahawa usaha mempromosi negara sebagai destinasi pelancongan belum begitu memuaskan dan wujud kelemahan.

Kita hanya mendakwa Langkawi sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia, tetapi jika jutawan seperti Al-Fayed tidak pernah mendengar nama Langkawi, berasaskah dakwaan kita itu, mungkin betul kenyataan Al-Fayed itu.

Ini kerana kebanyakan tokoh perniagaan dan orang terkenal dunia lebih mengenali Bali dan Phuket, walaupun kedudukannya tidak jauh dari Langkawi.

Justeru, tentu banyak yang perlu dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan jika mahu terus menjadikan pelancongan sebagai sumber pendapatan kedua terbesar negara.

Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit sekarang amat sesuai untuk mempromosikan negara dan menarik lebih ramai pelancong khususnya negara Eropah dan Amerika yang pastinya membawa masuk mata wang asing yang sangat kita perlukan.

Sebagai contoh, kehadiran Al-Fayed di Langkawi walaupun tidak sampai 24 jam sudah cukup mempromosikan pulau pelancongan ini menerusi laporan media massa.

Kesediaan Al-Fayed mencadangkan rakan perniagaan dan pelanggannya supaya melancong ke negara ini juga satu rahmat kepada industri pelancongan kita.

Selain itu, cadangannya supaya kita membawa pengeluar filem terkenal membuat penggambaran di negara ini perlu diberi perhatian. Thailand pernah melakukannya sehingga sebuah pulau peranginan negara itu terkenal di seluruh dunia selepas penggambaran filem James Bond lakonan Sean Connery dilakukan di situ.

Sesungguhnya, masih banyak yang perlu dilakukan untuk mempromosikan negara sebagai destinasi pelancongan, termasuk dari segi penggalakkan, idea dan kemahuan.

Sekadar meminjam kata-kata Al-Fayed: "Anda mempunyai semua perkara yang diperlukan iklim, penduduk, suasana...perkara yang tidak anda temui di tempat lain. Apa yang diperlukan di sini ialah idea dan daya imiginasi yang lebih untuk menjadikan ia lebih menarik."

(END)